

IJM LAND



Bandar Rimbayu, anjur larian kebajikan

KUALA LUMPUR 10 Sept. - Bandar Rimbayu berdekatan Kota Kemuning, Shah Alam, sebuah perbandaran yang mendapat persijilan bandar hijau IJM Land Bhd. (IJM Land) akan menganjurkan Larian Kebajikan Persahabatan pada 27 September ini.

Bandar Rimbayu dalam kenyataan berkata, larian itu akan diadakan di taman rekreasi yang dinamakan *The Arc* dan para peserta akan dilepaskan pada pukul 7.15 pagi.

Jelas kenyataan itu, matlamat larian tersebut untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan mencintai aktiviti luar dalam kalangan masyarakat.

“Dana yang diraih menerusi larian ini akan disumbangkan kepada Children Wish Society (CWS) dan Yayasan Buah Pinggang Nasional (NKF),” katanya di sini hari ini.

Syarikat itu berkata, Larian Kebajikan Persahabatan sejauh enam kilometer yang melibatkan penyertaan dalam bentuk pasangan adalah bagi mempromosikan persahabatan.

Katanya, program itu juga menawarkan peluang kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang mengambil bahagian secara berpasangan untuk tujuan kesihatan.

Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 21 September ini dan bayaran dikenakan sebanyak RM50 bagi setiap pasangan dengan 50 pasukan yang berjaya menamatkan larian awal berpeluang memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM100 setiap satu.

Turut diadakan cabutan bertuah dengan nilai hadiah sehingga RM10,000. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web di alamat www.rimbayu.com atau membuat panggilan di talian 1700 81 8686.